

22/06/2000

Ketuanan tidak bermakna jika orang Melayu lemah

KAHERAH, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketuanan Melayu tidak boleh dijamin dengan sekadar mengatakan bahawa jawatan Perdana Menteri mesti dipegang oleh orang Melayu.

"Ia hanya boleh dijamin jika orang Melayu berusaha menjadi kaum yang terkuat di negara kita dari segi pelajaran, penguasaan ilmu dan teknologi dan sebagainya," kata beliau kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan empat hari ke Mesir untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Beliau diminta menjelaskan mengenai kenyataannya pada perasmian Perhimpunan Agung MCA di Kuala Lumpur minggu lalu bahawa bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri, yang telah menimbulkan pelbagai reaksi, termasuk kononnya menafikan hak ketuanan Melayu.

Perdana Menteri berkata, tidak ada maknanya bercakap mengenai hak ketuanan Melayu jika orang Melayu lemah dan mengemis di negara sendiri.

Menurutnya, dalam Perlembagaan, tidak ada peruntukan bahawa bukan Melayu tidak boleh menjadi Perdana Menteri.

"Orang bukan Melayu hanya boleh jadi Perdana Menteri, dan saya tekankan ini dalam ucapan saya, kalau dia diterima oleh rakyat Malaysia yang termasuk orang Melayu.

"Kalau sampailah satu masa yang orang Melayu sanggup menerima orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri, kita tak boleh nak halang, itu pilihan orang Melayu sendiri.

"Kalau orang Melayu menjadi begitu lemah, miskin, minta sedekah kepada orang dan mereka dibeli dengan duit supaya menyokong orang bukan Melayu, pada ketika itu mungkin orang bukan Melayu akan memegang jawatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika keadaan seperti itu berlaku dengan orang Melayu menjadi terlalu taksuf dengan wang hingga boleh disogok untuk menjual bangsa, mereka akan menjadi hamba dalam negara sendiri.

"Saya bercakap berkenaan dengan realiti, saya bukan emosional ataupun bercakap sentimen... banyak orang lain cakap sentimen saja mengenai ketuanan Melayu tapi dok cuci kasut orang, tuan apa?" katanya.

"Ini menandakan permulaan era baru dalam hubungan yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara dengan merebut peluang kepada pembangunan MSC dan industri ICT Mesir," kata beliau.

Dr Othman berkata perjanjian itu juga penting bagi memastikan negara membangun seperti Malaysia dan Mesir mengambil peluang daripada kepakaran antara satu sama lain dalam k-ekonomi.

MDC menjalin kerjasama yang serupa dengan pihak lain di negara seperti Indonesia, Emiriah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat. - Bernama

(END)